

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 DISEMBER 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Bertemu Penguin Antartika di Muzium Negara	BERNAMA
2.	Get a feel of Antarctica at the National Museum	BERNAMA
3.	Islam utamakan kelestarian alam semula jadi	Utusan Malaysia
4.	Kempen tak nak sirip yu dilancar	Harian Metro
5.	Bina rumah lebih mudah	Utusan Malaysia
6.	MoU tingkat siap siaga negara hadapi bencana	Harian Metro
7.	Guru bersama masyarakat	Utusan Malaysia
8.	Floods recede as wet weather eases	The Star



Bertemu Penguin Antartika Di Muzium Negara

Oleh Kurniawati Kamarudin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Melihat maskot penguin di ruang legar Muzium Negara baru-baru ini terus mengingatkan penulis tentang siri kartun burung penguin nakal "pingu".

Selain maskot itu, satu diorama dengan 20 arca penguin yang comel membuatkan pengunjung seolah-olah berada di tengah-tengah kawasan dipenuhi ais yang membeku.

Kesemua arca penguin itu adalah daripada spesies emperor, salah satu daripada 17 spesies penguin di dunia yang hanya terdapat di benua Antartika.

Ikon benua paling sejuk dan kering di dunia itu dibawa **oleh Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)** dalam pameran "Khabar dari Antartika".

Pameran itu berlangsung dari 21 Nov hingga 4 Dis ini.

Ia menjadi jalan pintas masyarakat mengenali Antartika kerana jarak sejauh 9,804 kilometer antara Antartika dengan Malaysia bukan lagi halangan untuk memahami dan mengenali kepentingan benua yang menjadi makmal semulajadi ribuan penyelidik seluruh dunia.

DI SEBALIK MASKOT

Apa yang menarik tentang maskot penguin ialah lelaki yang mengenakan kostum tersebut mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Antartika.

Beliau ialah Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir yang pernah menjejakkan kaki ke benua paling selatan dan ke lima terbesar di dunia itu pada Januari lepas bersama sekumpulan lapan penyelidik dari Malaysia.

Beliau mahu menggunakan pendekatan santai dalam menerangkan kepada pengunjung tentang kepentingan Antartika.

Pengarah Institut Perubahan Iklim Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) itu tidak lokek berkongsi pengalamannya sepanjang 33 hari berada di sana serta menerangkan perubahan di Antartika akibat perubahan iklim dunia hari ini dengan tempiasnya dirasai seluruh dunia.

"Walaupun nampak mudah, hanya menyarungkan kostum penguin pada badan tapi jika tidak biasa seperti saya rasa tidak selesa juga," ujarnya yang juga pensyarah kanan di Fakulti Sains dan Teknologi UKM.

Tidak kisah jika ada yang memperlekehkan usahanya menjadi maskot penguin untuk tempoh lebih kurang 6 jam, jelas beliau niatnya hanya satu untuk memberi kesedaran kepada pengunjung terutama pelajar dan kanak-kanak tentang Antartika.

Cara begini (menggunakan maskot) lebih dekat dengan dunia kanak-kanak, katanya.

Selain beliau, pelajarnya juga turut bergilir-gilir menjadi maskot sepanjang pameran itu berlangsung.

"Seronok dapat berbual dan bertemu pengunjung yang datang ke muzium terutama pelajar untuk berkongsi sedikit pengalaman di Antartika.

"Masyarakat perlu diberi pendedahan dan kesedaran untuk sama-sama menjaga alam ini agar setiap tindakan kita tidak memberi kesan buruk jangka panjang kepada Antartika yang akan membawa kesan kepada alam," katanya.

MELIHAT KEPENTINGAN ANTARTIKA

Pemilihan arca Penguin Emperor mempunyai keunikannya tersendiri.

Menurut Mohd Nasaruddin Abdul Rahman, Ketua Pegawai Eksekutif YPASM, ia adalah simbolik rayuan benua Antartika kepada masyarakat dunia supaya dapat bertindak segera dalam menangani isu perubahan iklim yang sangat memberi impak kepada benua itu.

Penguin Emperor juga adalah penguin paling besar dalam keluarga penguin dan tinggal di kawasan berais di tengah-tengah benua Antartika.

Habitat ini sudah semestinya akan terjejas dengan pencairan ais di Antartika.

Peranan Antartika dalam mengawal keseimbangan suhu dunia perlu difahami setiap individu dan bersama-sama memainkan peranan menjaga alam ini agar tidak memberi kesan kepadanya.

Penyelidik Universiti Kebangsaan Australia dan Tinjauan Antartik Britain baru-baru ini menemui data menunjukkan pencairan ais di Antartika adalah 10 kali lebih pantas sejak 50 tahun lepas berbanding 600 tahun lalu.

Ia disebabkan peningkatan suhu bumi akibat penipisan lapisan ozon, yang seterusnya membawa implikasi perubahan iklim dunia termasuk ketidakpastian dalam putaran musim terutamanya kemarau dan hujan yang datang secara tiba-tiba.

Aktiviti manusia antaranya penebangan hutan tanpa kawalan untuk pembangunan, pembebasan gas rumah hijau semuanya menyumbang kepada perubahan itu.

Kajian saintifik antarabangsa menunjukkan kira-kira 18 peratus daripada permukaan bumi Malaysia berkemungkinan tenggelam menjelang tahun 2100.

Masyarakat harus sedar kenaikan paras laut hasil pencairan ais di Antartika akan memberi kesan langsung kepada Malaysia yang dikelilingi lautan, katanya.

Berdasarkan kepada keadaan bentuk muka bumi yang rendah, Kedah dikenali sebagai antara lokasi yang berisiko tinggi untuk tenggelam.

Selain itu, kenaikan paras air laut tertinggi juga dijangka berlaku di Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah.

"Semua dapatan ini kita pameran untuk pengetahuan umum. Dengan cara ini diharapkan akan memberi kesedaran kepada masyarakat," kata Mohd Nasaruddin.

Pengunjung juga boleh membuat akuanji dengan menandatangani papan putih yang disediakan sebagai simbol keprihatinan untuk sama-sama menjaga alam ini.

PERANAN AKTIF KEPADA MASYARAKAT

Pameran seterusnya akan diadakan di Muzium Semulajadi Putrajaya, bersama 49 arca penguin sebagai tarikan di sana.

Jumlah 49 penguin itu mengambil sempena keanggotaan Malaysia sebagai ahli ke-49 dalam Triti Antartika bermula tahun 2011, katanya.

"Sepatutnya di Muzium Negara juga kita pameran 49 arca penguin tetapi oleh kerana masalah kesuntukan masa, hanya dapat menyiapkan 20 arca sahaja," kata Mohd Nasaruddin yang mendapat kepakaran daripada Muzium Negara untuk membina arca itu.

Triti Antartika ialah satu badan antarabangsa yang mengawalselia urusan tadbir benua Antartika.

Kerajaan Malaysia melalui YPASM dan MOSTI, katanya, memainkan peranan aktif dalam memastikan kelestarian benua Antartika melalui kajian penyelidikan dan penglibatan Malaysia melalui urusan tadbir benua itu.

Terkini, Malaysia telah meratifikasi Protokol Madrid bagi Antartika berkuatkuasa 16 Sept 2016.

"Selain itu tahun hadapan, MOSTI dijangka membentangkan Rang Undang-Undang Antartika di Parlimen yang diharap akan membawa peranan yang lebih serius bagi Malaysia selepas ini," katanya.

BERNAMA



Get A Feel Of Antarctica At The National Museum

By Kurniawati Kamarudin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Now you need not travel 9,804 kilometres to learn more of Antarctica! All that you need to do is step into the National Museum here and watch the 'Khabar dari Antartika' (Updates from Antarctica) exhibition from Nov 21 to Dec 4.

Other than the penguin mascot in the lobby greeting visitors that immediately reminded the writer of the cartoon series Pingu, another 20 adorable penguin sculptures scattered over the winter wonderland-like diorama.

For this exhibition, the mascot and sculptures depicted the emperor penguins.

The **Sultan Mizan Antarctic Research Foundation (YPASM) and Ministry of Science, Technology and Innovation (Mosti)** chose this species, one of 17 penguin species in the world, as they could only be found in Antarctica.

These penguins are also the icons for the world's coldest and driest continent that acts as a natural laboratory for thousands of researchers worldwide.

THE MAN BEHIND THE MASCOT

Interestingly, the man in the penguin costume is also closely linked to Antarctica. He set foot on the Earth's southernmost continent and the fifth largest in January with a group of researchers from Malaysia.

Dr Mohd Shahrul Mohd Nadzir used a casual approach to explain to the visitors on the importance of Antarctica to mankind.

The Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Climate Change Institute director was excited to share the experiences he had during his 33 days there. He also elaborated on the changes in Antarctica due to the climate change and their consequences to the world.

"Donning this penguin costume may look easy but if you're not used to it like me, it's quite uncomfortable," said Dr Mohd Shahrul who is also a senior lecturer at UKM's

Faculty of Science and Technology.

Though some were surprised to see him in the penguin suit, he said his intention was to increase awareness on Antarctica among visitors especially students and children.

This approach (using mascot) is more suitable for children, he added.

His students too took turns as mascot during the exhibition.

"It was fun to chat and meet with visitors to the museum, especially students and share a bit about Antarctica.

"The community needs exposure and awareness to take care of nature together so that our actions do not have a long-term impact on Antarctica, which will affect nature," he said.

THE IMPORTANCE OF ANTARCTICA

The selection of emperor penguin sculptures is not without its reasons.

The sculptures symbolised Antarctica's appeal to the people of the world to act immediately on the issue of climate change that has a great impact on the continent, according to YPASM chief executive officer Mohd Nasaruddin Abdul Rahman.

As the largest in the penguin family which lives in the icy areas in the middle of the continent, the Emperor penguin's habitat has been affected by the melting of Antarctic ice.

People need to understand Antarctica's role in controlling the global temperature and play a role in preserving nature.

Researchers from the Australian National University and Britain Antarctic Survey recently pointed out that ice has been melting 10 times faster in Antarctica for the past 50 years compared with 600 years ago.

This is due to an increase in the earth's temperature caused by a thinning ozone layer, which has brought on climate change including erratic seasons such as sudden drought and rain.

Human activities like uncontrolled logging for development and the release of greenhouse gases all contribute to these changes.

International scientific studies show that about 18 percent of Malaysia's surface area may be submerged in water by 2100.

The public have to realise that a rise in the sea level due to the melting of ice in Antarctica would have a direct impact on Malaysia as a country that is surrounded by sea, he added.

Kedah has been identified as among the high risk locations that could end up under water. Besides that, high water levels are also expected to occur in Johor, Kelantan, Sarawak and Sabah.

"We display these findings for general knowledge with the hope it will create public awareness," he said.

Visitors can also make a pledge on a white board provided there to show their concern for the environment.

ACTIVE ROLE OF COMMUNITY

The next exhibition scheduled to be held at the Natural History Museum in Putrajaya with the 49 penguin sculptures set to be an attraction there.

The number 49, he pointed out, represented Malaysia as the 49th member of the Antarctic Treaty starting 2011.

"We were supposed to display 49 sculptures at the National Museum, but time restrictions only allowed us to complete 20," said Mohd Nasaruddin who received a helping hand from the National Museum to create the sculptures.

The Antarctic Treaty is an international body that regulates governance of Antarctica.

The Malaysian government, through YPASM and Mosti, plays an active role in preserving the Antarctica through research and Malaysia's involvement in governing the continent.

More recently, Malaysia had ratified the Madrid Protocol of Antarctica effective Sept 16, 2016.

"In addition to this, Mosti is expected to table the Antarctica Bill in Parliament next year which we hope will bring a more serious role for Malaysia in Antarctica after this," he added.

BERNAMA

Islamutamakan kelestarian alam semula jadi

institusi

Oleh HISHYAMUDIN AYUB
agama@utusan.com.my



Berhubung Islam dan Teknologi Hijau 2016.

Melibatkan golongan aktivis berpengalaman dari dalam dan luar negara, kumpulan pemikir dari pusat pengajian tinggi serta wakil badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan alam sekitar, sebanyak tiga sesi perbincangan atau diskusi ilmu dikemukakan.

Bukan sekadar perbincangan melibatkan ruang lingkup perspektif Islam sahaja, seminar sehari itu turut menyentuh kepentingan Islam dalam penglibatan ekonomi hijau, kewangan dan sifat dermawan dalam kalangan umat Islam terhadap pelaksanaan teknologi hijau.

MANFAATKAN POTENSI

Selain itu, perbincangan golongan pemikir turut menggesa umat Islam untuk menguasai potensi bidang herba dan perubahan yang boleh memberi kelebihan kepada ummah. Keupayaan menguasai tenaga boleh diperbaharui (RE) bagi dilaksanakan

kehidupan hijau menurut kaca mata Islam merupakan satu cabaran yang harus diambil berat oleh generasi masa sekarang, demi kelangsungan sebuah kehidupan lebih baik pada masa hadapan.

Antara lain, seminar sehari itu juga berjaya membentangkan kepentingan konsep Islam dalam teknologi hijau, teknologi-teknologi inovatif hijau, menuju kehidupan Islam secara hijau, kepentingan teknologi hijau terhadap alam sekitar, perlindungan kebijakan haiwan serta keupayaan menyediakan 'sajian hijau' pada peringkat global.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, **Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah**.

Dalam ucapannya, Abu Bakar menggesa negara Islam untuk tidak mengorbankan kelestarian alam sekitar demi mencapai kejayaan pembangunan dan perkembangan ekonomi seperti mana yang terjadi di beberapa

buah negara Islam.

Katanya, perkara seumpama itu bukan sahaja merugikan umat Islam tetapi juga menyebabkan kadar pencemaran dunia terus meningkat.

Untuk itu menurutnya, langkah-langkah segera dan berkesan serta pelan jangka panjang perlu dikenal pasti bagi dilaksanakan, seterusnya memastikan masyarakat Islam memementingkan agenda kesejahteraan dunia dan memelihara alam sekitar.

"Masyarakat Islam sentiasa berusaha meningkatkan usaha menjaga alam sekitar dan memastikan corak pengurusan kehidupan yang mampan berhubung isu alam semula jadi, sekali gus menyumbang ke arah kesejahteraan planet ini untuk faedah generasi masa kini dan generasi akan datang.

"Maka antara langkah praktikal ke arah itu adalah untuk membina, mengguna pakai serta menggunakan teknologi hijau sebagai konsep keseluruhan dan panduan untuk kehidupan seharian, selain menjadikan gaya hidup rakyat serta program yang dilaksanakan mengikut dasar kerajaan," katanya.

ISLAM mengajar umatnya menjaga keharmonian dunia dan menjaga kelestarian alam semula jadi anugerah Allah. - GAMBAR HIASAN

Manusia dan alam sekitar saling melengkapi. Satu musnah, satu lagi bakal sengsara.

Umat Islam perlu menguasai teknologi hijau kerana mampu memberi kelebihan kepada ummah.

Umat Islam perlu menjaga kelestarian alam sekitar, selaras dengan ajaran Islam

Langkah segera, jangka masa panjang perlu dilaksanakan untuk agenda kesejahteraan dunia.

Perlu mewariskan dunia kepada generasi akan datang dalam keadaan terbaik



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 6 DISEMBER 2016 (SELASA)



NOH Omar (tengah) bersama Ismail (enam dari kanan) bersama pelajar sekolah selepas melawat ke tapak pameran 'Kingdom Of Sharks' selepas pelancaran Kempen Tak Nak Sirip Ikan Yu, semalam.

Kempen tak nak sirip yu dilancar

Serdang: Jabatan Perikanan Malaysia dengan kerjasama Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melancarkan program kesedaran awam, Kempen Tak Nak Sirip Ikan Yu Peringkat Kebangsaan, semalam.

Kempen berkenaan dirasmikan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Peruma-

han Dan Kerajaan Tempatan Tan Sri Noh Omar di Laman Perikanan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2016 (MAHA 2016) di Taman Pameran Pertanian Malaysia, (MAEPS), di sini.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Ismail Abu Hassan berkata, kempen itu turut mendapat kerjasama Aquawalk Sdn Bhd (Aquaria

KLCC) dan Jabatan Perikanan Sabah.

Kata Ismail, ikan yu bukanlah spesies sasaran utama dalam aktiviti menangkap ikan sebaliknya ia hanya ditangkap bersama ikan lain sebagai sampingan.

Katanya, semua bahagian badan ikan yu yang tertangkap akan digunakan sebagai makanan atau diproses untuk kegunaan lain.

"Objektif utama kempen berkenaan adalah untuk mengurangkan permintaan terhadap sirip ikan yu selain menangkis laporan negatif terhadap aktiviti ikan terabit di negara ini.

"Kempen ini turut membuktikan Malaysia prihatin terhadap konservasi ikan yu bukan sahaja peringkat nasional, malah antarabangsa," katanya.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 24
TARIKH: 6 DISEMBER 2016 (SELASA)

Bina rumah lebih mudah

SEBAGAI sebuah negara membangun, industri pembinaan negara telah mengalami banyak perubahan menerusi penggunaan teknologi terkini apabila tahap kualiti dan keselamatan sesebuah bangunan itu diberi keutamaan.

Menggunakan konsep Sistem Binaan Berindustri (IBS), iaitu teknik pembinaan yang menggunakan komponen yang dibuat dalam persekitaran terkawal sama ada di tapak atau luar tapak, teknik tersebut adalah satu penyelesaian terbaik kepada masalah yang sering berlaku di tapak pembinaan negara ini.

Sebagai tambahan, bagi mengurangkan kos dan juga menjimatkan masa bagi tempoh pembinaan, para penyelidik daripada Pusat

Penyelidikan Perumahan (HRC), Universiti Putra Malaysia (UPM), telah menghasilkan ciptaan yang dipanggil Putra Blok iaitu sistem binaan blok berongga kait panca tanggung beban.

Menurut salah seorang penyelidik, **Prof. Datuk Ir. Abang Abdullah Abang Ali**, sistem Putra Blok tersebut merupakan ciptaan yang berinovatif dan direka bentuk untuk memenuhi keperluan koordinasi modular yang sebahagian daripada konsep IBS.

Katanya, sistem binaan blok tersebut dipromosi sebagai salah satu teknik binaan yang lebih ekonomik berbanding binaan konvensional.

"Idea utama Putra Blok adalah untuk menghapuskan penggunaan lapisan lepaan. Blok-blok ini

saling bersambung melalui unjuran dan alur pada blok.

"Dengan ciri-cirinya yang ringan dan menjarak diri akan mempercepat susunan blok berbanding binaan konvensional yang menggunakan lepaan dan mengurangkan bilangan pekerja," katanya.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang media selepas majlis pertukaran dokumen memorandum perjanjian (MoA) antara UPM dan syarikat pengeluaran bahan binaan tempatan, Triple A Engineering Sdn. Bhd., bagi mengkomersialkan inovasi itu melalui kaedah pelesenan paten, di Serdang baru-baru ini.

Pada majlis itu UPM diwakili Naib Canselornya, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris manakala Triple A Engineering Sdn. Bhd. oleh Pengarah Urusannya, Azhar Azwari Annuar.

Tambah beliau, sistem Putra Blok terdiri

daripada tiga unit yang berlainan dengan fungsi berlainan iaitu *stretcher*, *corner* dan *half*.

Jelas beliau lagi, setiap unit mempunyai sifat-sifat tersendiri dari segi geometri dan fungsi dalam sistem dinding.

"Secara umum, unit *stretcher* adalah unit utama yang digunakan dalam pembinaan dinding yang

menggunakan blok.

"Ia juga memainkan peranan penting dalam menahan beban pada dinding, manakala unit *corner* berfungsi menghubungkan dua atau lebih dinding silang pada simpang, sementara *half* pula berfungsi sebagai unit pelengkap dalam menyiapkan dinding," ujarnya.

Menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai kelebihan teknologi itu, Abang Abdullah berkata, sistem Putra Blok menyediakan alternatif kepada kos yang efektif terhadap bahan dan sistem binaan yang sedia ada.

Katanya, kemudahan pembuatan yang efisien telah direka bentuk, dibangunkan dan difabrikasi untuk menghasilkan Putra Blok secara besar-besaran.

"Penjimatan tambahan pada kos pembinaan adalah disebabkan oleh penghapusan mortar, bar tetulang dan melepai dalam struktur bangunan.

"Keperluan (penggunaan) bagi buruh mahir dapat dikurangkan dan masa pembinaan juga menjadi lebih pendek. Kualiti akan lebih terjamin disebabkan Putra Blok dihasilkan melalui pembuatan kilang," jelasnya.

Secara ringkas, kata beliau, kelebihan sistem Putra Blok yang ditawarkan adalah seperti bentuk yang terpilih serta sederhana, menjarak dan mudah disusun serta berkeupayaan untuk menyediakan tempat untuk pengukuh mendarat dan menegak.

Selain itu, sistem berkenaan juga sangat berkesan untuk menahan daya (rich atau normal) yang terjadi disebabkan beban yang dikenakan, berat yang berpatutan untuk memudahkan susunan oleh pekerja serta ada kekuatan tinggi dan mempunyai sifat daya tahan lasak yang baik.

"Istimewanya juga, rumah yang menggunakan sistem Putra Blok tidak mempunyai acuan struktur, sistem binaan berkait panca tapa lepaan, mudah disusun, pembinaan yang lebih pantas, dimensi koordinasi modular dan turut menggalakkan IBS.

"Dengan kelebihan-kelebihan tersebut, sistem ini telah berjaya dikomersialkan dengan kerjasama antara UPM dan Syarikat Triple A Engineering Sdn. Bhd., secara tidak langsung dapat menggalakkan lebih banyak pembinaan perumahan berkualiti yang mampu milik" katanya.

Mengulas mengenai penyelidikan teknologi itu, Abang Abdullah berkata, fasa pertama kajian bermula pada tahun 1991 dengan geran penyelidikan permulaan sebanyak RM80,000 daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Bagi fasa kedua pula, ia bermula pada hujung tahun 1998 dan siap pada tahun 2003 dengan pembiayaan sebanyak RM1.58 juta daripada KPKT.

DR. AINI IDERIS (kanan) dan Azhar Azwari Annuar (kiri) meneliti dokumen MoA sambil disaksikan oleh Mohd. Noor Azman Hassan (dua kanan) dan Ir. Abang Abdullah Abang Ali di Serdang baru-baru ini.



PENSYARAH Jabatan Seni Bina, Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina UPM, Prof. Madya Dr. Rahimah Ibrahim (tengah) memberi penerangan mengenai sistem binaan Putra Blok pada sidang akhbar di Serdang baru-baru ini.

MoU tingkat siap siaga negara hadapi bencana

Kuala Lumpur: Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) semalam menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan negara menghadapi bencana dan pengurusan alam sekitar.

Naib Canselor UPNM Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin berkata, persefahaman itu turut merangkumi skop kerjasama yang bertumpu kepada penyelidikan, penerbitan, program sangkutan industri staf dan projek lain khusus dalam aktiviti berkaitan angkasa serta satelit.

“Eksplorasi UPNM dalam penyelidikan dan aktiviti berkaitan angkasa serta satelit ini adalah inisiatif baharu yang diusahakan universiti dengan fokus kritikal membantu negara menghadapi cabaran berkaitan bencana dan bantuan kemanusiaan serta pemantauan dan pengurusan alam sekitar yang menjadi inti pati penting menjamin kestabilan dan keselamatan negara.

“Inisiatif baharu UPNM ini sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang menekankan kepada kualiti penyelidikan bernilai tinggi sekali gus mampu memberi pulangan kepada pembangunan, kesejahteraan dan kedaulatan negara,” katanya pada sidang media selepas majlis menandatangani MoU terbabit di UPNM, di sini, semalam.



ZULKIFLI

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 2
TARIKH: 6 DISEMBER 2016 (SELASA)



GURU BERSAMA MASYARAKAT

MENTERI Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid membuat panggilan menggunakan telefon awam pintar sekolah (MyFon) selepas melancarkan Program Guru Bersama Masyarakat: Guru Pembina Negara Bangsa peringkat negeri Kelantan di Machang, semalam. Hadir sama Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub (kiri). - BERNAMA

Floods recede as wet weather eases

Evacuees return
but Met Dept
warns of more
rain next week

By IVAN LOH and
JOASH EE DE SILVA
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: A sunny break in inclement weather saw floods in most parts of the country subsiding and evacuees allowed to return home.

However, the **Meteorological Department** has warned Malaysians to expect more rainfall and thunderstorms in the coming week.

In Ipoh, all 38 people affected by flash floods in Kampung Pengkalan Ara, Hilir Perak, have returned home. Hilir Perak district officer Shahrnaim Radzali said the last of the villagers at the shelter, consisting of nine families, left at 1.30pm yesterday.

"We have now closed the temporary shelter at SK Pengkalan Ara. The relocation efforts were assisted by the Civil Defence Department and Rela," he said.

The villagers have been staying at the shelter since Saturday. However, at Kampung Padang Serai in Pantai Remis, Manjung, some 71 people from 17 families are still



Going down: A resident cleaning up as floodwaters recede from the interior of her home at Sungai Manik in Hilir Perak. — Bernama

being housed at the temporary shelter, which opened on Friday when the water level rose to 1.4m.

As at 4pm yesterday, the weather at Hilir Perak and Manjung was cloudy again although conditions elsewhere in the state remained fair.

In Kota Baru, Bernama reported that as at noon, the state's official

flood website at <http://ebanjir.kelantan.gov.my> put the number of flood evacuees in Kelantan at 55.

The evacuees are being housed in flood relief centres at SK Wakaf Raja, Pasir Puteh (26 evacuees) and SK Tiong, Kota Baru (29).

The relief centre at SMK Beris Panchor, Bachok, was closed at noon after the 12 evacuees returned

to their homes, it said.

The Drainage and Irrigation Department also recorded the river level at Sungai Golok, Rantau Panjang, as having fallen to 7.14m from 7.34m previously. This is still above the alert level at 7m.

For the coming week, rainfall is forecast in the mornings for east coast states in Peninsular Malaysia

while other states will experience thunderstorms in the evenings and at night.

Sarawak will see rain along its coast as well as in the central and western regions. Rain is also expected in the mornings for the western and eastern regions of Sabah with thunderstorms in several areas, especially Labuan.